



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

SIARAN MEDIA

KPKT PERKUKUH EKONOMI KITARAN NEGARA: TEKNOLOGI TEMPATAN NAHRIM TUKAR SISA MAKANAN KEPADA BAJA PERTANIAN

KUALA LUMPUR, 21 JANUARI 2026 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui **Mesyuarat Majlis Ekonomi Kitaran Bagi Sisa Pepejal (NCEC) Ke-4** bersetuju untuk memperluas penggunaan teknologi tempatan bagi menukarkan sisa makanan kepada baja pertanian sebagai strategi memperkuat ekonomi kitaran negara serta menyokong agenda keterjaminan makanan nasional.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Menteri Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming menghimpunkan kementerian, kerajaan negeri, pemain industri, pakar teknikal dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dalam satu kerangka kerjasama bersepadu berasaskan pendekatan **Whole of Government** bagi memastikan pelaksanaan ekonomi kitaran sisa pepejal yang mampan, mesra industri dan berimpak tinggi. Sebanyak tujuh (7) kertas telah dibentangkan merangkumi dua (2) kertas pertimbangan dan lima (5) kertas makluman.

Malaysia ketika ini berdepan cabaran pembaziran makanan yang serius, dengan anggaran lebih 8.3 juta metrik tan sisa makanan dibuang setiap tahun, bersamaan kira-kira 17,000 metrik tan sehari. Kebergantungan kepada tapak pelupusan bukan sahaja membebankan sistem pengurusan sisa negara, malah memberi kesan langsung kepada alam sekitar dan kesejahteraan rakyat.

Pelaksanaan Teknologi Tempatan Kitar Semula Sisa Organik (Sisa Makanan) Kepada Baja Pertanian oleh Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) dilihat sebagai solusi strategik yang mampu :

- i. Mengurangkan kebergantungan kepada tapak pelupusan
- ii. Meningkatkan kadar kitar semula negara
- iii. Menyokong sektor pertanian melalui penyediaan baja alternatif yang lebih ekonomi
- iv. Memperkukuh keterjaminan makanan negara
- v. Memacu pembangunan ekonomi kitaran berasaskan teknologi tempatan

Inisiatif ini mencerminkan komitmen KPKT dalam membina ekosistem pengurusan sisa yang bukan sekadar bersifat pelupusan, tetapi berorientasikan pemulihan nilai, penjanaan sumber baharu dan kelestarian jangka panjang negara.

#MalaysiaMADANI
#Kemampanan
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLANMalaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

UKK
K P K T